

Cabaran Kem Pendidikan Alam Semula Jadi 2009 Bermula

oleh Khairina Yasin

Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) meneruskan penganjuran Kem Pendidikan Alam Semula Jadi (Kempas) 2009 dengan sasaran penyerahan 3,000 pelajar sekolah menengah bagi peringkat awal pemilihan peserta kem yang berlangsung serentak hari ini di sekolah terpilih seluruh negara.

Saringan awal yang diadakan dalam bentuk ujian bertulis itu bertujuan memilih pasukan yang layak menyertai Kempas Peringkat Kebangsaan yang dijangka diadakan di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, Selangor pada 1 hingga 6 Jun 2009.

Naib Pengerusi Jawatankuasa Induk Kempas 2009, Dr Ebil Yusof, berkata peringkat awal Kempas akan disertai lima pasukan dari setiap sekolah yang dikenal pasti jabatan pelajaran negeri (JPN) masing-masing.

Menerusi ujian bertulis itu, katanya, pelajar perlu menjawab soalan berdasarkan sukatan mata pelajaran Sains, selain pengetahuan am berhubung sains alam semula jadi, alam sekitar khususnya dalam bidang perhutanan.

Katanya, pemilihan pasukan bagi mewakili negeri masing-masing dibuat berdasarkan pungutan markah tertinggi yang diperoleh pada peringkat awal.

"Peningkatan peserta peringkat awal sememangnya dijangka



Penganjuran Kempas 2009 mampu memberi kelainan dan impak besar kepada peserta dan guru."

Dr Ebil Yusof
Naib Pengerusi Jawatankuasa
Induk Kempas 2009

setelah melihat sambutan menggalakkan yang diterima tahun lalu iaitu 1,022 peserta.

"Pasukan yang terpilih ke peringkat kebangsaan akan dibahagikan mengikut empat zon ditetapkan iaitu Zon 1 merangkumi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan; Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang (Zon 2); Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan

dan Melaka (Zon 3) serta Terengganu, Pahang, Kelantan dan Johor (Zon 4)," katanya kepada *Berita Harian* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bertema *Hutan Sebagai Sumber Khazanah Alam*, katanya, Kempas 2009 masih mengekalkan pengisian empat modul utama merangkumi kualiti tanah, flora, habitat hidupan liar dan sungai.

Namun Dr Ebil menjelaskan, usaha penambahbaikan dilaksanakan Jawatankuasa Induk Kempas 2009 dengan mewujudkan modul guru pembimbing pada tahun ini.

"Sebelum ini, tiada program khusus dilaksanakan penganjur kepada guru yang mengiringi peserta yang menyebabkan fungsi guru pembimbing tidak begitu terserlah.

"Justeru tahun ini, pihak jawatankuasa melihat keperluan mewujudkan

modul khas kepada guru pembimbing dengan pengisiannya lebih menyeluruh termasuk peranan mereka dalam membantu peserta kem selain boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran di sekolah.

"Apa yang kita harapkan adalah penganjuran Kempas 2009 mampu memberi

kelainan dan impak besar kepada peserta dan guru," katanya.

Penganjuran kem berbentuk pertandingan akan menguji peserta menerusi sesi penilaian dalam setiap kegiatan sepanjang kem berlangsung.

Selain menyaksikan peningkatan dari segi penyertaan pelajar, Kempas 2009 turut menambah peruntukan dari segi jumlah wang tunai kepada pemenang.

Johan bakal menerima wang tunai RM2 000, piala pusingan dan sijil diikuti naib johan (RM1 500 dan sijil), ketiga (RM1 000 dan sijil) dan sagu hati (RM500 dan sijil).

Selain itu, empat anugerah turut diberikan kepada peserta yang layak iaitu Anugerah Perdana Alam, Anugerah Tunas Alam, Anugerah Kepimpinan Alam dan Anugerah Kreativiti Alam.

INFO

Johan Kempas

2008:
Sekolah Menengah
Kebangsaan St Anthony,
Ipoh, Perak

2007:
Sekolah Menengah
Kebangsaan Sultan Abdul
Aziz, Teluk Intan, Perak



Peserta Kempas gembira selepas majlis penutup Perkhemahan Pendidikan Alam Semula Jadi Peringkat Kebangsaan 2008 yang diadakan di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong.